

MukaSepuluh

E-mel: bhrencana@bh.com.my BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.

Manfaat Ramadan pemacu toleransi pelbagai kaum

Oleh Dr Md Muziman Syah Md Mustafa dan Dr Muhsin Firdaus Che Musa
bhrencana@bh.com.my



"Allahumma ballighna Ramadan" (Ya Allah, sampaikan kami sehingga Ramadan) - demikianlah doa yang sentiasa menitip di bibir junjungan agung Rasulullah SAW menuju Ramadan.

Detik yang ditunggu-tunggu hadirnya pelbagai faidat daripada konteks rohaniah dan lahiriah, menebaran rahmat-NYA ke seluruh alam.

Malaysia sebagai sebuah nusa dan gagasan yang unik dengan kepelbagaiannya etnik dan anutan agama, menuntut kebersamaan dan kesepakatan semua bangsa etniknya.

Keterbukaan warga dalam meraikan kepelbagaiannya agama dan budaya menzahirkan kerencaman di bumi bertuah ini dalam mengeratkan persefahaman kaum, tuntasnya mewujudkan perpaduan nasional.

Tolerasi perpaduan ini hasil sisaan semangat nationalism dan persefahaman berlunaskan undang-undang, di mana Islam diiktiraf sebagai agama Persekutuan menurut Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Namun, pengikut agama lain masih lagi bebas untuk menganut dan mengamalkan agama mereka.

Sejarah turut membuktikan hormat-menghormati sesama kaum terhadap amalan agama dan budaya wujud utuh di negara ini, walaupun dasar 'pecah dan perintah' dititip erat oleh penjajah suatu masa dahulu.

Amalan berbicara di dalam bahasa yang difahami semua, menghormati urusan keagamaan dan meraikan perayaan adalah hidangan unik konteks negara ini di mata dunia.

Ini semua dapat dibuktikan apabila tiada satu pun video keraian disambut oleh kepelbagaiannya etnik ditonjolkan dalam satu perayaan ditayangkan di mana-mana negara, selain Malaysia tercinta.

Perpaduan yang utuh ini, jelas dicemburui banyak negara dan ini sesuatu yang perlu kita pertahankan. Dalam konteks ini, pegangan dan amalan agama serta budaya jelas sumber utama pemacu toleransi yang harus dihormati demi perpaduan nusa dan gagasan yang unik ini.

Namun, keutuhan ini terkadang luntur dek isu yang ditimbulkan oleh pihak yang alpa dengan nilai toleransi dalam hidup bermajmuk dan rendah politik yang menggunakan sentimen ini untuk kepentingan masing-masing.

Takkan dek nila setitik menjadikan kita berhenti untuk memberi 1,001 kebaikan. Sesungguhnya, memuliakan orang lain tidak akan pernah merugikan kita semua, malah akan memanfaatkan semua kaum.

Jadi, bagaimana kita rakyat Malaysia boleh berusaha untuk meningkatkan tahap toleransi yang lebih baik di antara kaum, terutamanya menjelang Ramadan yang mulai ini?



Pensyarah Kanan,
Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia
(UIAM)

Umum mempersetujui bahawa amalan murni dan toleransi kaum ini harus dipupuk seawal usia yang muda. Ibu bapa dan masyarakat harus memberi iktibar baik kepada anak mereka dan generasi moden secara keseluruhan dalam memupuk keharmonian, keamanan seterusnya perpaduan.

Sifat perkauman sedia ada walaupun sukar untuk dibuang, harus disalurkan sebaiknya mengikut acuan Perlembagaan demi ketabilan dan kerancakan ekonomi negara Malaysia.

Kedatangan Ramadan juga boleh menjadi landasan penting untuk memacu kembali toleransi sesama kaum, walaupun dalam versi norma baharu.

Meminta izin untuk makan, sedikit sebanyak menjentik naluri kemanusiaan. Ditambah pula tidak memakan sesuatu yang dilarang oleh peganan agama dan budaya kaum lain, sedikit sebanyak mencerminkan kezahiran sifat tolerasi kita rakyat Malaysia.

Suasana setiakawan antara kaum dan agama mungkin kurang terhidang secara jelas seperti sebelum ini, dengan amalan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat yang mesti dilazim.

Namun begitu, juadah bubur lambuk yang sememangnya dinantikan seluruh rakyat Malaysia perlu terus dikekalkan pengagihannya sebagai tradisi tahunan.

Amalan ini membabitkan kembali perpaduan antara kaum yang dicerakkan sejak dahulu lagi dengan implementasi agihan secara penjarakan fizikal dan sanitasi dalam setiap proses.

Bazar Ramadan walaupun secara amnya memfokuskan kepada juadah berbuka puasa, namun landskap beberapa tahun sebelum ini membuktikan bazar tahunan ini dikunjungi semua lapisan masyarakat yang beragama Islam atau pun bukan Islam.

Pilihan juadah yang lengkap menjadi tumpuan,

namun toleransi yang ditonjolkan oleh rata-rata pengikut bukan Islam dengan datang lebih lewat ke bazar Ramadan, mengelakkan berlakunya kesesakan ketika umat Islam membeli juadah untuk persiapan berbuka.

Toleransi sama turut dilebarkan di tempat kerja. Pekerja bukan Islam akan mengambil peranan menyelesaikan tugas di lewat hari untuk memberi peluang rakan sekerja Muslim berbuka puasa.

Ditambah pula dengan percaturan cuti rehat diutamakan untuk rakan supaya ada lebihan masa meraikan perayaan mereka dengan keluarga tercinta.

Prinsip ini mencerminkan Ramadan tampak mencetuskan kembali sifat menghargai perbezaan satu sama lain dan saling hormat-menghormati dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dan berbeza fahaman akidah.

Walaupun masyarakat Malaysia menganut agama tidak sama, tetapi kita masih menghargai perbezaan itu untuk menghela nafas di negara yang sama, terus melakar kemajuan dan mencipta kejayaan unggul dari semasa ke semasa.

Itulah keunikan tradisi kita yang harus diluaskan oleh setiap warga, malah menjaga kesinambungannya.

Di sebalik perbezaan, kita masih boleh berkongsi apa yang ada. Semuanya direalisasikan menerusi toleransi dan untuk menghangatkan kembali, Ramadan adalah detik terbaik.

Oleh itu, kita rakyat Malaysia perlu menggunakan setiap peluang yang ada bagi memperkuatkkan semangat perpaduan melalui pelbagai aktiviti membabitkan semua kaum.

Usaha gigih yang berterusan bagi menggalakkan budaya keharmonian, perpaduan dan kesejahteraan negara diperlukan dan Ramadan ini detik terbaik pencetus perpaduan dalam memacu kejayaan negara.



Selain umat Islam, bazar Ramadan turut menjadi pilihan masyarakat lain untuk mendapatkan juadah digemari.

(Foto hiasan)

Sidang Redaksi

Pengarang Kumpulan SAIDON IDRIS
saidon@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Kandungan & Digital M THILLINADAN
thilly@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Edisi Cetak AZHAR A SAMAH
azharas@bh.com.my